

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)66**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB. LIM GUAN ENG**

66. Sila nyatakan jumlah kematian COVID-19 dan kes jangkitan dengan berikan pecahan di antara varian yang wujud serta tindakan yang diambil untuk menanganinya serta jumlah permohonan bantuan RM5,000 daripada NADMA kerana kematian berpunca daripada COVID-19 dan bilangan yang masih belum diluluskan?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

66. Bermula 1 Januari 2021 sehingga 22 November 2021, sebanyak 1,642 kes kematian akibat COVID-19 telah diumumkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk negeri Pulau Pinang. Sehingga 18 November 2021, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 dengan varian adalah 239 kes iaitu 9 kes varian Beta dan 230 kes varian Delta. **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan.

Walaupun terdapat kemunculan varian baru virus COVID-19, dari segi tindakan kesihatan awam sedia ada, ianya masih berkesan untuk tujuan kawalan dan pencegahan penularan Covid-19. Oleh yang demikian, masyarakat umum diminta agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- Elakkan 3S: (Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak yang dekat);
- Amalkan 3W: (Amalkan *Wash*, *Wear* dan *Warn*);
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan; dan
- Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok.

Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 merupakan bantuan *one-off* RM 5,000 diberikan kepada waris si mati yang meninggal dunia berkaitan jangkitan virus COVID-19 (kematian akibat COVID-19 atau kematian dengan COVID-19) yang dikendalikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berhubung jumlah permohonan dan peruntukan yang diberikan oleh NADMA.

## LAMPIRAN A

**JADUAL 2: BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 18 NOVEMBER 2021**

Negeri	VOC						VOI						Jumlah			Jumlah Keseluruhan	
	Alpha		Beta		Delta		Kappa *		Theta *		Eta *						
	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	
Sarawak	-	-	1	46	1	1,788	-	-	-	13	1	-	3	1,847	1,850		
Selangor	2	6	-	52	3	417	1	-	-	-	-	-	6	475	481		
Johor	-	-	-	10	1	246	3	-	-	-	-	-	4	256	260		
Pulau Pinang	-	-	-	9	1	229	-	-	-	-	-	-	1	238	239		
Sabah	-	3	-	11	-	147	-	-	-	-	-	-	-	161	161		
Pahang	-	-	-	4	-	153	-	-	-	-	-	-	-	157	157		
Negeri Sembilan	-	-	-	4	2	132	-	-	-	-	-	-	2	136	138		
WP Kuala Lumpur	3	-	-	9	7	115	-	-	-	-	2	-	12	124	136		
Melaka	-	-	-	7	-	90	-	-	-	-	-	-	-	97	97		
Kedah	-	-	-	14	-	81	-	-	-	-	-	-	-	95	95		
Kelantan	-	-	-	27	-	59	-	-	-	-	-	-	-	86	86		
Perak	-	-	-	16	-	64	-	-	-	-	-	-	-	80	80		
Terengganu	-	-	-	9	-	60	-	-	-	-	-	-	-	69	69		
Perlis	-	-	-	4	-	29	-	-	-	-	-	-	-	33	33		
WP Labuan	-	-	-	0	4	18	-	-	-	-	-	-	4	18	22		
WP Putrajaya	-	-	-	3	-	11	-	-	-	-	-	-	-	14	14		
Jumlah	5	9	1	225	19	3,639	4	0	0	13	3	0	32	3,886			
	14			226		3,658		4		13		3				3,918	
Jumlah Keseluruhan				3,898						20							

**JADUAL 3 : BILANGAN KES POSITIF COVID-19  
DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT SARINGAN / KLUSTER  
BAGI SETIAP NEGERI SEHINGGA 18 NOVEMBER 2021**

Negeri	VOC				VOI				Jumlah		Jumlah			
	Alpha		Beta		Delta		Eta*	Kappa*	Theta*	Kluster	Sporadik			
	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik				Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	
<b>Sarawak</b>	-	-	18	29	241	1,548	1	-	-	8	5	267	1,583	1,850
<b>Selangor</b>	3	5	14	38	17	403	-	-	1	-	-	34	447	481
<b>Johor</b>	-	-	8	2	63	184	-	3	-	-	-	74	186	260
<b>Pulau Pinang</b>	-	-	3	6	24	206	-	-	-	-	-	27	212	239
<b>Sabah</b>	3	-	3	8	17	130	-	-	-	-	-	23	138	161
<b>Pahang</b>	-	-	4	-	98	55	-	-	-	-	-	102	55	157
<b>Negeri Sembilan</b>	-	-	2	2	59	75	-	-	-	-	-	61	77	138
<b>WP Kuala Lumpur</b>	-	3	-	9	23	99	2	-	-	-	-	23	113	136
<b>Melaka</b>	-	-	4	3	23	67	-	-	-	-	-	27	70	97
<b>Kedah</b>	-	-	7	7	20	61	-	-	-	-	-	27	68	95
<b>Kelantan</b>	-	-	21	6	23	36	-	-	-	-	-	44	42	86
<b>Perak</b>	-	-	14	2	6	58	-	-	-	-	-	20	60	80
<b>Terengganu</b>	-	-	7	2	33	27	-	-	-	-	-	40	29	69
<b>Perlis</b>	-	-	-	4	5	24	-	-	-	-	-	5	28	33
<b>WP Labuan</b>	-	-	-	-	7	15	-	-	-	-	-	7	15	22
<b>WP Putrajaya</b>	-	-	-	3		11	-	-	-	-	-	0	14	14
<b>Jumlah</b>	6	8	105	121	659	2,999	3	3	1	8	5	781	3,137	
	<b>14</b>		<b>226</b>		<b>3,658</b>		<b>3</b>	<b>4</b>	<b>13</b>			<b>3,918</b>	<b>3,918</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,898</b>													

Nota: \* Kategori VOI sehingga 30 September 2021